

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Nga Kor Ming [Taiping]

TARIKH : 28 Mac 2017 (Selasa)

SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah tindakan dan rancangan
segera Kementerian untuk
meningkatkan food security dan hasil
produk makanan negara supaya
negara kita tidak terlalu bergantung
kepada makanan import dari negara
asing yang kini mencecah paras
RM32.1 billion.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35, iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-3, tetapi mendahului kedudukan negara Thailand (ke-51), Vietnam (ke-57), Indonesia (ke-71), Filipina (ke-74), Myanmar (ke-80), Cambodia (ke-89) dan Laos (ke -103).

Jaminan bekalan makanan atau *food security* sesebuah negara akan tercapai apabila 4 komponen berikut dipenuhi:

- (i) ketersediaan (*availability*) bekalan makanan bagi memenuhi permintaan. Penawaran bekalan boleh dicapai sama ada melalui pengeluaran dalam negara, import dan simpanan stok;
- (ii) akses (*accessibility*) iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya (*affordability*);
- (iii) keselamatan dan khasiat (*safety and nutrition*) di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan (*stability*) iaitu bekalan makanan boleh diperolehi pada setiap masa

Dalam hubungan ini, bagi mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara bagi menampung bekalan dan meningkatkan SSL melalui:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap bekalan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti

persijilan MYGap, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengedaran, pembungkusan dan pelabelan.

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

Sungguhpun demikian, Kementerian terus melaksanakan strategi bagi memperbaikiimbangan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016,imbangan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion.